

BUTIRAN FASA KETIGA: APA YANG BOLEH DIJANGKAKAN



KEGIATAN SOSIAL DAN RIADAH

- Had kapasiti di tempat awam seperti pusat beli-belah dan tarikan akan dilonggarkan;
- Kumpulan sehingga lapan orang akan dibenarkan berhimpun, naik daripada jumlah maksimum lima orang sekarang.



- Tarikan juga boleh mula memohon kepada Lembaga Pelancongan Singapura (STB) untuk meningkatkan kapasiti operasi mereka kepada sehingga 65 peratus berbanding 50 peratus sebelum ini.
- Had kapasiti bagi pusat beli-belah dan kedai sendiri yang besar akan ditambah dengan ruang bagi setiap orang dikurangkan kepada 8 meter persegi daripada 10 meter persegi sekarang.



RUMAH IBADAH

- Semua rumah ibadah, termasuk masjid akan dibenarkan menambahkan kapasiti bagi khidmat berjemaah dan ibadah lain sehingga 250 orang, dalam zon sehingga 50 orang setiap satu bagi khidmat berjemaah.

